



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI KEDAH

SIRI 2



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI KEDAH

SIRI 2



KANDUNGAN

KANDUNGAN

| | |
|-----|---|
| vii | KATA PENDAHULUAN |
| xi | INTISARI LAPORAN |
| | AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI |
| 3 | JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI KEDAH Program Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Sungai |
| 20 | PEJABAT TANAH KOTA SETAR PEJABAT DAERAH DAN TANAH LANGKAWI Pengurusan Pemberimilikan Tanah Bagi Tujuan Pembangunan |
| 33 | PENUTUP |



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Jabatan Audit Negara akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Ke arah itu, satu lagi inisiatif di bawah GTP 2.0 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara iaitu mewujudkan paparan “AG’s Dashboard” yang memaparkan status terkini tindakan yang telah diambil oleh pihak Auditi terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk syor-syor yang dikemukakan sebaik sahaja Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Paparan sedemikian yang boleh diakses oleh semua pihak dapat memberi gambaran sejauh mana tindakan pembetulan atau penambahbaikan telah diambil oleh Jabatan/Agensi/Syarikat pada satu-satu masa.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 3 Jabatan Kerajaan Negeri Kedah. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 5 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2014 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

28 April 2015



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI KEDAH

- Program Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Sungai

1.1. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Kedah bertanggungjawab terhadap 654 batang sungai dan anak sungai di Negeri Kedah dengan anggaran keseluruhan panjang sungai sejumlah 8,661 kilometer. Objektif Program Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sungai ini adalah untuk memelihara sungai supaya ia menjadi saluran air yang berkesan bagi mengawal banjir. JPS bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja pembaikan dan pencegahan hakisan tebing, pengawalan rizab sungai di samping pengindahan dan pembersihan di dalam koridor sungai dan pemuliharaan sungai kepada keadaan asal *back to nature*. Bagi tahun 2012 hingga 2014, sejumlah RM6.65 juta diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan Negeri dan Persekutuan bagi tujuan program pemeliharaan dan pemuliharaan sungai. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM6.60 juta telah dibelanjakan untuk program ini.

1.2. Pengauditan yang dijalankan mulai bulan Februari hingga Mac 2015 mendapati pada keseluruhannya Program Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sungai yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah adalah memuaskan kerana program pengindahan sungai yang dilaksanakan di sepanjang tebing Sungai Anak Bukit telah berjaya mengubah pemandangan dan landskap kawasan yang dibangunkan menjadi lebih ceria, menarik dan menyerlah identiti kawasan yang dibangunkan. Pengawalan banjir dengan membina rumah pam adalah tidak memuaskan kerana rumah pam di Sungai Mempelam dan Sungai Terus tidak berfungsi sejak tahun 2011 hingga kini. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Perakuan siap kerja dikeluarkan sebelum kerja disempurnakan.
- Projek loji rawatan air tidak berfungsi.
- Rumah pam di Sungai Mempelam dan Sungai Terus tidak berfungsi.
- Pencerobohan terhadap rizab sungai.

1.3. Bagi mempertingkatkan program pemeliharaan dan pemuliharaan sungai, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

1.3.1. Melaksanakan penyenggaraan berkala mengikut jadual yang ditetapkan bagi memastikan perangkap sampah berfungsi dengan berkesan. Kemudahan loji rawatan air perlu dimanfaatkan dengan sepenuhnya bagi mengelak pembaziran.

1.3.2. Menyemak dan mengenal pasti kawasan rizab sungai dengan jelas dan diwartakan bagi menjaga simpanannya serta dan melaporkannya dalam Mesyuarat Tindakan Pejabat Tanah.

1.3.3. Melantik kontraktor bagi kerja penyenggaraan dan memantau kerja-kerja yang dilakukan. Jabatan Pengairan dan Saliran perlu memohon peruntukan yang mencukupi bagi kerja-kerja penyenggaraan.

2. PEJABAT TANAH KOTA SETAR

PEJABAT DAERAH DAN TANAH LANGKAWI

- Pengurusan Pemberimilikan Tanah Bagi Tujuan Pembangunan

2.1. Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 1965) mentakrifkan pemberimilikan tanah sebagai pelupusan tanah Kerajaan Negeri oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk tempoh tidak melebihi 99 tahun atau selamanya. Kuasa untuk melupuskan tanah oleh PBN boleh diwakilkan kepada Pengarah Tanah dan Galian (PTG) atau Pentadbir Tanah. Mengikut Seksyen 43 KTN 1965, permohonan pemberimilikan tanah boleh diterima daripada antaranya perbadanan yang mempunyai kuasa di bawah perlembagaannya untuk memiliki tanah termasuk pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 (agensi swasta) termasuk syarikat berkaitan Kerajaan.

2.2. Pemberimilikan tanah Kerajaan kepada pemohon termasuk agensi Kerajaan Negeri dan swasta adalah bertujuan untuk aktiviti pertanian, perumahan dan operasi perindustrian. Pengurusan pemberimilikan tanah adalah berpandukan KTN 1965, Aturan-aturan Tanah Kedah 1966, keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK), Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian, Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Kedah, Pekeliling Pejabat Daerah Dan Tanah Negeri dan Manual Prosedur Kerja. Bagi tempoh 2010 hingga 2014, sebanyak 144 permohonan tanah bagi tujuan pembangunan telah diterima di Pejabat Tanah Kota Setar (PT Kota Setar) dan Pejabat Daerah Dan Tanah Langkawi (PDT Langkawi) dan sebanyak 20 permohonan telah diluluskan. Premium tanah yang berjaya dikutip bagi tempoh tersebut di PT Kota Setar dan PDT Langkawi adalah masing-masing berjumlah RM127.96 juta dan RM66.06 juta.

2.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga April 2015 mendapati pengurusan pemberimilikan tanah untuk tujuan pembangunan adalah baik kerana keseluruhan tanah yang diberi milik telah dibangunkan di PT Kota Setar dan 4 daripada 5 (80%) tanah yang diberi milik telah dibangunkan di PDT Langkawi. Bagaimanapun, pelaksanaan pengurusan pemberimilikan secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan disebabkan faktor-faktor berikut:

- Kelewatan memproses permohonan pemberimilikan tanah.
- Bayaran hasil dan premium tanah gagal dijelaskan oleh pemohon.
- Pemantauan dan penguatkuasaan kurang berkesan.

2.4. Bagi memperbaiki perkara-perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini dan memastikan pengurusan pemberimilikan tanah bertambah cekap dan berkesan, adalah disyorkan PT Kota Setar dan PDT Langkawi mengambil tindakan berikut:

2.4.1. Menetapkan tempoh masa yang bersesuaian bagi pemprosesan permohonan pemberimilikan sebagai panduan kepada pegawai menjalankan tugas.

2.4.2. Meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan tanah yang diberi milik dibangunkan selaras dengan syarat-syarat pembangunan dan kelulusan ditetapkan supaya pembangunan yang dijanjikan dapat dinikmati oleh rakyat.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI KEDAH

1. PROGRAM PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN SUNGAI

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Kedah bertanggungjawab terhadap 654 batang sungai dan anak sungai di Negeri Kedah dengan anggaran keseluruhan panjang sungai sejumlah 8,661 kilometer. Sungai-sungai tersebut terletak dalam zon lembangan utama iaitu lembangan Sungai Muda, Sungai Kedah, Sungai Kerian, Sungai Merbok, Sungai Kulim dan Sungai Melaka di Langkawi. Sungai memerlukan kerja pemeliharaan yang terancang dan berjadual supaya aliran air tidak tersekat dan juga bagi mengurangkan kesan banjir jika hujan lebat berlaku.

1.1.2. Objektif Program Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sungai ini adalah untuk memelihara sungai supaya ia menjadi saluran air yang berkesan bagi mengawal banjir. JPS bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja pembaikan dan pencegahan hakisan tebing, pengawalan rizab sungai di samping pengindahan dan pembersihan di dalam koridor sungai dan pemuliharaan sungai kepada keadaan asal *back to nature*. Komponen projek bagi kerja yang dilaksanakan di bawah program ini adalah seperti kerja penstabilan tebing sungai, pembersihan halangan dan mengorek beting berpasir, membina struktur lintasan dan kawalan dasar sungai, pengawalan rizab seperti mengukur, menandakan dan memagar sempadan, kerja pengindahan kawasan tebing sungai serta kerja pemuliharaan sungai.

1.1.3. Bagi tahun 2012 hingga 2014, sejumlah RM6.65 juta diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan Negeri dan Persekutuan bagi tujuan program pemeliharaan dan pemuliharaan sungai. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM6.60 juta telah dibelanjakan untuk program ini. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Peruntukan Program Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sungai
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

| Tahun | Peruntukan Diluluskan (RM Juta) | | Perbelanjaan (RM Juta) | |
|---------------------------|------------------------------------|-------------|---------------------------|-------------|
| | Negeri | Persekutuan | Negeri | Persekutuan |
| 2012 | 1.50 | 0.90 | 1.47 | 0.90 |
| 2013 | 1.75 | 0.50 | 1.74 | 0.50 |
| 2014 | 1.00 | 1.00 | 0.99 | 1.00 |
| Jumlah | 4.25 | 2.40 | 4.20 | 2.40 |
| Jumlah Keseluruhan | 6.65 | | 6.60 | |

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kedah

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada program pemeliharaan dan pemuliharaan sungai telah dilaksanakan dengan cekap serta mencapai objektif yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah tertumpu kepada program pemeliharaan, pengindahan dan pemuliharaan sungai tahun 2012 hingga 2014. Pengauditan dijalankan di Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kota Setar/Pendang/Yan, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kuala Muda/Sik/Baling dan Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Langkawi. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat dan data berasaskan dokumen berhubung dengan semua aspek pengurusan pemeliharaan, pengindahan dan pemuliharaan sungai. Bagi tahun 2012 hingga 2014, sejumlah RM6.65 juta peruntukan diluluskan untuk program pemeliharaan dan pemuliharaan sungai dan sejumlah RM6.60 juta telah dibelanjakan. Sebanyak 65% daripada jumlah peruntukan telah dipilih untuk semakan Audit. Lawatan tapak dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab bagi meninjau keberkesanan program pemeliharaan dan pemuliharaan sungai dan keperluannya juga telah diadakan. Bagi menguji kualiti air, kerjasama telah diperolehi daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah dan Jabatan Kimia Malaysia Cawangan Negeri Kedah. *Exit Conference* bersama Unit Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah dan Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kedah telah diadakan pada 23 April 2015.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan mulai bulan Februari hingga Mac 2015 mendapati pada keseluruhannya Program Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sungai yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah adalah memuaskan kerana program pengindahan sungai yang dilaksanakan di sepanjang tebing Sungai Anak Bukit telah berjaya mengubah pemandangan dan landskap kawasan yang dibangunkan menjadi lebih ceria, menarik dan menyerlah identiti kawasan yang dibangunkan. Pengawalan banjir dengan membina rumah pam adalah tidak memuaskan kerana rumah pam di Sungai Mempelam dan Sungai Terus tidak berfungsi sejak tahun 2011 hingga kini. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Perakuan siap kerja dikeluarkan sebelum kerja disempurnakan.
- Projek loji rawatan air tidak berfungsi.
- Rumah pam di Sungai Mempelam dan Sungai Terus tidak berfungsi.
- Pencerobohan terhadap rizab sungai.

1.4.1. Prestasi Program Pengindahan Sungai

Program pengindahan sungai melibatkan kerja-kerja landskap di sepanjang tebing Sungai Anak Bukit serta kerja pengukuhan dan pengindahan di sepanjang CH4950 hingga CH5500 sungai Sungai Petani.

1.4.1.1. Kerja-kerja Landskap Di Sepanjang Tebing Sungai Anak Bukit

a. Prestasi Pelaksanaan Projek Landskap

Mengikut Senarai Kuantiti yang disediakan dan dipersetujui oleh JPS, kontraktor dikehendaki memastikan semua pokok yang ditanam disenggarakan dengan sempurna. Kontraktor hendaklah mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan semua pokok dan rumput yang ditanam terus hidup dan tumbuh dengan subur. Semua pokok dan rumput yang rosak atau tidak tumbuh hendaklah diganti atau ditanam semula. Lawatan Audit ke tapak projek pada 26 Januari 2015, selepas 6 bulan projek disiapkan mendapati kelemahan pelaksanaan dari segi kerja penyenggaraan tidak dilaksanakan dengan sempurna oleh kontraktor. Pokok dan rumput didapati dalam keadaan layu, kering serta kurang subur dan laluan pejalan kaki pudar serta pecah seperti di **Gambar 1.1**, **Gambar 1.3**, **Gambar 1.5** dan **Gambar 1.7**.

Gambar 1.1
Keadaan Tanaman Penutup Bumi
Tidak Subur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tebing Sungai Anak Bukit
Tarikh: 26 Januari 2015

Gambar 1.2
Tanaman Penutup Bumi
Yang Ditanam Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tebing Sungai Anak Bukit
Tarikh: 30 Mac 2015

- b. Lawatan susulan Audit pada 30 Mac 2015 bersama Pegawai JPS dan pihak konsultan landskap mendapati tindakan telah diambil oleh pihak kontraktor. Kawasan persekitaran landskap adalah bersih dan terjaga. Kerja-kerja penyenggaraan seperti menyiram pokok, membersihkan rumput dan menyapu sampah telah dilaksanakan dengan baik dan laluan pejalan kaki dibaiki dan dicat semula seperti di **Gambar 1.2**, **Gambar 1.4**, **Gambar 1.6** dan **Gambar 1.8**.

Gambar 1.3
Keadaan Pokok Renek *Lantana Camara*
Mix Color Semasa Lawatan Audit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tebing Sungai Anak Bukit
Tarikh: 26 Januari 2015

Gambar 1.4
Pokok Renek Ditanam Semula
Dan Tumbuh Subur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tebing Sungai Anak Bukit
Tarikh: 30 Mac 2015

Gambar 1.5
Daun Pokok *Agloanema* Layu Dan
Melecur Akibat Cuaca Panas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tebing Sungai Anak Bukit
Tarikh: 26 Januari 2015

Gambar 1.6
Penggunaan Jaring Untuk Melindung
Pokok Dari Cuaca Panas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tebing Sungai Anak Bukit
Tarikh: 30 Mac 2015

Gambar 1.7
Laluan Pejalan Kaki Pudar Dan Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tebing Sungai Anak Bukit
Tarikh: 26 Januari 2015

Gambar 1.8
Laluan Pejalan Kaki Dibaiki
Dan Dicat Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tebing Sungai Anak Bukit
Tarikh: 30 Mac 2015

1.4.1.2. Kerja Pengukuhan Dan Pengindahan Sungai Di Sepanjang Sungai Petani, Daerah Kuala Muda

Pada 10 Ogos 2014, Jabatan Pengairan Saliran Daerah Kuala Muda telah melantik kontraktor secara sebut harga bagi Kerja Pengukuhan Dan Pengindahan Sungai Petani, Daerah Kuala Muda di *Chainage* (CH) 4950 hingga CH 5500. Kos keseluruhan kerja adalah sejumlah RM484,847 dan tempoh siap kerja pada 13 Disember 2014. Semakan Audit mendapati 2 daripada 4 komponen projek masih belum disiapkan pada tarikh perakuan siap kerja dikeluarkan iaitu kerja menanam rumput dan memasang *interlocking paver block*. Semakan Audit selanjutnya mendapati:

a. Perakuan Siap Kerja Dikeluarkan Sebelum Kerja Disempurnakan

Semua perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja hendaklah mengandungi perakuan berkenaan bekalan, perkhidmatan dan kerja itu telah dilaksanakan dengan sempurna sebelum bayaran dibuat. Semakan Audit mendapati kerja menanam rumput jenis *cow grass* secara *close turf* di sepanjang 840 meter dan kerja-kerja merata tapak, membekal dan memasang *interlocking paver block* sepanjang 600 meter x 2 meter lebar belum disempurnakan sepenuhnya. Bagaimanapun, laporan siap kerja telah dikeluarkan pada 13 Disember 2014 dan bayaran telah disempurnakan secara berperingkat sebanyak 2 kali iaitu bayaran kemajuan pertama sejumlah RM319,272 pada 26 November 2014 dan bayaran kemajuan kedua sejumlah RM165,575 pada 18 Disember 2014. Lawatan Audit pada 5 dan 9 Februari 2015 serta 18 Mac 2015 mendapati kerja memasang *interlocking paver block* bagi laluan pejalan kaki dan kerja menanam rumput jenis *cow grass* secara *close turf* belum dilaksanakan seperti di **Gambar 1.9** hingga **Gambar 1.12**.

Gambar 1.9
Kawasan Yang Belum di Pasang
Interlocking Paver Block



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Pejalan Kaki Di Sungai,
Sungai Petani
Tarikh: 5 Februari 2015

Gambar 1.10
Kawasan Yang Belum di Pasang
Interlocking Paver Block



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Pejalan Kaki Di Sungai,
Sungai Petani
Tarikh: 5 Februari 2015

Gambar 1.11
Kawasan Yang Belum Ditanam Rumput



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Pejalan Kaki Di Sungai,
Sungai Petani
Tarikh: 9 Februari 2015

Gambar 1.12
Kawasan Yang Belum Ditanam Rumput



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Pejalan Kaki Di Sungai,
Sungai Petani
Tarikh: 5 Februari 2015

b. Kerja-karya Membina Laluan Pejalan Kaki Tidak Mengikut Spesifikasi

- i. Hasil pemeriksaan Audit bersama kontraktor di tapak kerja pada 9 Februari 2015 mendapati laluan pejalan kaki yang siap dipasang *interlocking paver block* adalah hanya berjumlah 464 meter daripada keseluruhan kerja membina laluan pejalan kaki sepanjang 600 meter.
- ii. Semakan Audit juga mendapati pelan tapak bina dan lukisan berkaitan dengan kerja merata tapak, membekal dan memasang *interlocking paver block* sepanjang 600 meter tidak disediakan. Lawatan Audit pada 18 Mac 2015 mendapati kontraktor juga memasang *Interlocking Paver Block* di tapak tempat duduk kerusi batu yang tiada dalam butiran kerja sebenar seperti di **Gambar 1.13** hingga **Gambar 1.16**.

Gambar 1.13
Kawasan Sepanjang 464 Meter Yang
Siap Dipasang *Interlocking Paver Block*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Pejalan Kaki Di Sungai,
Sungai Petani
Tarikh: 9 Februari 2015

Gambar 1.14
Tapak Asal Tempat Duduk
Kerusi Batu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Pejalan Kaki Di Sungai,
Sungai Petani
Tarikh: 18 Mac 2015

Gambar 1.15
Pemasangan *Interlocking Paver Block*
Di Tapak Kerusi Batu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Pejalan Kaki Di Sungai,
Sungai Petani
Tarikh: 18 Mac 2015

Gambar 1.16
Pemasangan *Interlocking Paver Block*
Di Tapak Kerusi Batu
Tetapi Kerusi Batu Telah Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Pejalan Kaki Di Sungai,
Sungai Petani
Tarikh: 18 Mac 2015

c. Kerja-kerja Penanaman Rumput Belum Disempurnakan

- i. Lawatan Audit pada 9 Februari 2015 mendapati kerja-kerja penanaman rumput dan penyiraman sedang dijalankan oleh kontraktor yang dilantik. Pada pandangan Audit dianggarkan hanya 60% daripada keseluruhan kerja yang telah disiapkan dan selebihnya belum disempurnakan seperti di **Gambar 1.17** dan **Gambar 1.18**.

Gambar 1.17
Kawasan Yang Belum
Ditanam Rumput



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Pejalan Kaki Di Sungai,
Sungai Petani
Tarikh: 9 Februari 2015

Gambar 1.18
Kerja-Kerja Penanaman Rumput
Sedang Dijalankan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Pejalan Kaki Di Sungai,
Sungai Petani
Tarikh: 5 Februari 2015

- ii. Lawatan Audit pada 18 Mac 2015 mendapati kerja-kerja memasang *interlocking paver block* bagi laluan pejalan kaki dan kerja menanam rumput jenis *cow grass secara close turf* telah siap sepenuhnya. Mengikut Senarai Kuantiti, penyenggaraan rumput selama 3 bulan bermula daripada Mac hingga Mei 2015.

Pihak Audit mendapati lebih kurang 10% daripada rumput yang ditanam telah berada dalam keadaan kering, kurang subur dan mati seperti di **Gambar 1.19** hingga **Gambar 1.20**. Wakil pegawai penguasa memaklumkan kerja-kerja penyiraman oleh kontraktor perlu dijalankan sekurang-kurangnya sekali sehari. Bagaimanapun semasa lawatan Audit tiada kerja-kerja penyiraman dilakukan. **Mengikut maklum balas JPS pada 30 April 2015, JPS mengesahkan kerja tersebut telah disiapkan pada 13 Disember 2014 dan bayaran dibuat setelah semua kerja disiapkan dengan sempurna. Selepas bayaran dibuat hujan telah turun dengan lebatnya menyebabkan berlaku penurunan tanah yang menyebabkan kerosakan kepada *interlocking paver block*. Oleh itu pejabat JPS Kuala Muda/Sik/Baling telah mengarahkan pihak kontraktor memperbaiki kerosakan tersebut. JPS juga memaklumkan semasa lawatan Audit pada 5 dan 9 Februari 2015 serta pada 18 Mac 2015, kerja yang dijalankan adalah kerja pembaikan.**

Gambar 1.19
Rumput Kering Dan Kurang Subur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Pejalan Kaki Di Sungai,
Sungai Petani
Tarikh: 18 Mac 2015

Gambar 1.20
Rumput Kering Dan Mati



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Pejalan Kaki Di Sungai,
Sungai Petani
Tarikh: 18 Mac 2015

Pada pendapat Audit, prestasi kerja pengindahan sungai adalah memuaskan kerana kerja landskap di tebing Sungai Anak Bukit telah mencapai matlamat pengindahan sungai. Projek yang dilaksanakan telah berjaya mengubah pemandangan dan landskap kawasan yang dibangunkan menjadi lebih ceria, menarik dan menyerlah identiti kawasan yang dibangunkan. Bagaimanapun JPS perlu memastikan semua peraturan Kerajaan dipatuhi dalam melaksanakan kerja pengukuhan dan pengindahan di Sungai, Sungai Petani.

1.4.2. Program Pemuliharaan Sungai

Mengikut taklimat yang diberikan oleh JPS, sungai yang tercemar memerlukan rawatan pemuliharaan agar sungai berkenaan kembali kepada keadaan asal dengan menggunakan kaedah dan teknologi terkini. Salah satu langkah mengawal pencemaran oleh JPS ialah dengan membina perangkap sampah seperti *log boom*, *gross pollutant trap* (GPT) dan loji rawatan air sisa. Semakan Audit mendapati:

1.4.2.1. Loji Rawatan Air Pasar Basah Tidak Berfungsi

Loji Rawatan Air Pasar Basah yang dipasang dengan Bi-Act SDO ® *Super Dissolve Oxygen* merupakan projek perintis pertama di Malaysia menggunakan *Wastewater Technology* untuk rawatan air sisa pasar basah. Loji ini dibina bertujuan untuk merawat air sisa pasar basah dan mempertingkatkan kualiti air yang terhasil sebelum disalurkan ke sungai berdekatan. Kerja-kerja membina loji tersebut di Pasar Basah, Sungai Petani telah disiapkan pada 22 Disember 2013. Loji ini secara rasminya telah beroperasi pada 27 Januari 2014 dan pengujian serta pentauliahkan JPS pada 10 Februari 2014. Semakan Audit mendapati bayaran berjumlah RM479,155 telah dibiayai di bawah peruntukan Kerajaan Negeri bagi Program Pembangunan Infrastruktur Mesra Alam. Proses rawatan air sisa sepatutnya bermula daripada air sisa dari pasar basah melalui *primary screen* dan seterusnya melalui proses rawatan sebelum mengalir ke sungai. Lawatan Audit mendapati:

a. Prestasi Keupayaan Loji Rawatan Air Sisa

Mengikut penerangan daripada pembekal, struktur yang sedia ada tidak dapat merawat keseluruhan sisa air dari Pasar Basah sehari iaitu $300\text{m}^3/\text{day}$ -1 (300 meter padu sehari). Sebaliknya loji ini hanya berkeupayaan untuk merawat satu pertiga atau bersamaan 100 meter padu air sehari daripada jumlah keseluruhan 300 meter padu sisa air sehari yang terhasil dari pasar tersebut. Lawatan dan pemeriksaan Audit ke tapak loji pada 27 Januari 2015 mendapati sisa air dari pasar basah tidak dirawat sepenuhnya menggunakan teknologi ini, sebaliknya hanya sebahagian yang dirawat dan selebihnya terus dilepaskan ke sungai berdekatan, iaitu Sungai Air Mendidih. Lawatan kedua pada 26 Mac 2015 bersama pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah (JAS) untuk ujian kualiti air terhasil daripada loji tidak dapat dijalankan kerana loji ini tidak berfungsi dan air sisa didapati terus mengalir ke sungai. Pada 8 April

2015 pihak Audit dimaklumkan kerosakan loji rawatan air sisa masih belum dibaiki. **Mengikut maklum balas JPS pada 23 April 2015, projek Loji Rawatan Air Sisa Pasar Basah Sungai Petani masih belum berfungsi disebabkan kerosakan pam. Loji tersebut telah diserahkan kepada JPS pada Februari 2015 setelah 12 bulan dibawah pemantauan dan penyenggaraan oleh Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. Pihak JPS tidak mempunyai sebarang rekod berkenaan kerosakan loji rawatan tersebut. Rekod pemantauan juga tidak disediakan. Pelawaan sebutbarga membaiki kerosakan pam telah dikeluarkan pada 27 April 2015. Mengikut maklum balas JPS pada 30 April 2015, loji tersebut tidak berfungsi kerana kerosakan pam. Pam tersebut dalam proses pembaikan dan dijangka siap pada 19 Mei 2015.**

1.4.2.2. Prestasi Perangkap Sampah *Gross Pollutant Trap* dan *Log Boom*

Pembinaan perangkap sampah menggunakan *gross pollutant trap* yang dibina sekitar kawasan 4 cabang anak sungai yang mengalir ke sungai Sungai Petani adalah bertujuan memerangkap sampah dari kawasan rumah kedai, kawasan perumahan dan bengkel kenderaan di sekitarnya. Sampah-sarap, minyak dari bengkel atau kilang-kilang dan sisa pepejal industri yang melalui kawasan dipasang dengan *gross pollutant trap* akan disekat daripada mengalir ke sungai. Manakala *log boom* dibina merentangi anak sungai bagi memerangkap sampah dan sisa pepejal supaya tidak masuk ke sungai utama. Sebanyak 13 buah perangkap sampah iaitu 3 *log boom* dan 10 *gross pollutant trap* dibina antara tahun 2008 sehingga tahun 2014 di lokasi yang telah ditetapkan dengan kos pembinaan melibatkan peruntukan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.83 juta. Lawatan Audit ke lokasi *gross pollutant trap* pada 8 Februari dan 17 Mac 2015, mendapati keadaan seperti di **Jadual 1.2. Mengikut maklum balas JPS bertarikh 23 April 2015, daftar inventori tidak diselenggara. Menurut JPS resit timbang mulai tahun 2015 telah disediakan.**

Jadual 1.2
Keadaan *Gross Pollutant Trap* Di Lokasi Yang Di Lawati

| Bil. | Lokasi GPT | Tarikh Lawatan Audit | Penemuan Audit |
|------|-----------------|----------------------|---|
| 1. | Stesen teksi | 17.3.2015 | Laluan air ke perangkap sampah dipenuhi pasir dan minyak gris seperti di Gambar 1.21 . |
| 2. | Pasar Tani | 17.3.2015 | Kemungkinan perangkap sampah di Pasar Tani telah mencapai tahap maksimum. Ini menyebabkan air melimpah. |
| 3. | Kompleks Cayman | 17.3.2015 | Laluan air keluar dipenuhi dengan sampah-sarap dan sampah mengalir terus ke sungai. Terdapat longgokan sampah yang telah dikaut keluar dibiarkan kering berhampiran <i>gross pollutant trap</i> . |
| 4. | Pekan Baru | 17.3.2015 | Kedudukan <i>gross pollutant trap</i> di jalan yang merupakan laluan awam. Penutup besi perangkap sampah tiada di lokasi dan ini boleh mengundang bahaya kepada pengguna jalan tersebut seperti di Gambar 1.22 . Operasi <i>gross pollutant trap</i> tidak digunakan dengan optimum walaupun berfungsi disebabkan telah dipasang terlebih dahulu sebelum pembinaan kompleks rumah kedai Pekan Baru tersebut. |

| Bil. | Lokasi GPT | Tarikh Lawatan Audit | Penemuan Audit |
|------|---------------------|------------------------|--|
| 5. | Taman Pekan Baru | 17.3.2015 | Aliran air perlahan dan terdapat sampah di laluan air masuk seperti di Gambar 1.23 . |
| 6. | Wisma Bandaran | 8.2.2015 dan 17.3.2015 | Saluran longkang ke <i>gross pollutant trap</i> kering seperti di Gambar 1.24 dan Gambar 1.25 . Lokasi pemasangan tidak bersesuaian. <i>Gross pollutant trap</i> dipasang di saluran perparitan yang tidak dapat mengumpul air larian hujan dan air sisa dari premis berdekatan kerana air mengalir ke saluran perparitan yang lain. Ianya hanya berfungsi dengan optimum apabila berlaku larian hujan yang tinggi. Longkang juga dipenuhi dengan daun-daun kering dan sampah. |
| 7. | Jalan Ibrahim | 8.2.2015 dan 17.3.2015 | |
| 8. | Jalan Kampong Baru | 8.2.2015 dan 17.3.2015 | Aliran air dan sampah tidak melalui <i>gross pollutant trap</i> . Sebaliknya, air dan sampah mengalir terus ke sungai kerana penutup <i>bypass baffle</i> tiada di lokasi seperti di Gambar 1.26 . |
| 9. | Jalan Kampong Raja | 17.3.2015 | <i>Gross pollutant trap</i> dipenuhi sampah kerana penyenggaraan belum dijalankan seperti di Gambar 1.27 . |
| 10. | Pengkalan Lebai Man | 17.3.2015 | Penutup <i>gross pollutant trap</i> tiada seperti di Gambar 1.28 . |

Sumber: JPS Kuala Muda/Sik/Baling

Gambar 1.21
Saluran Air Di Penuhi Sampah Sarap,
Pasir Dan Minyak Gris



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stesen Teksi Sungai Petani
Tarikh: 17 Mac 2015

Gambar 1.22
Tiada Penutup Besi
Perangkap Sampah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Mawar 2/2, Pekan Baru,
Sungai Petani
Tarikh: 17 Mac 2015

Gambar 1.23
Sampah Di Laluan Air Masuk



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pekan Baru, Sungai Petani
Tarikh: 17 Mac 2015

Gambar 1.24
Saluran Longkang ke GPT Kering



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Wisma Bandaran, Sungai Petani
Tarikh: 17 Mac 2015

Gambar 1.25
Saluran Air Kering



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Ibrahim, Sungai Petani
Tarikh: 17 Mac 2015

Gambar 1.26
Aliran Air Dan Sampah Terus Ke Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jln Kg. Baru, Sungai Petani
Tarikh: 17 Mac 2015

Gambar 1.27
Perangkap Sampah Penuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampong Raja, Sungai Petani
Tarikh: 17 Mac 2015

Gambar 1.28
Penutup GPT Tiada Semasa Lawatan Audit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pengkalan Lebai Man, Sungai Petani
Tarikh: 17 Mac 2015

1.4.2.3. Prestasi Pengawalan Banjir

Salah satu kaedah pengawalan banjir ialah dengan membina rumah pam. Fungsi utama rumah pam adalah untuk mengawal banjir dan memastikan air pembuangan dari parit/longkang dapat mengalir ke sungai atau laut dengan lancar bagi mengelakkan banjir.

a. Kerja-kerja Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Sungai Di JPS Daerah Kota Setar/Pendang/Yan

Pada tahun 2013, JPS Daerah Kota Setar/Pendang/Yan telah menerima peruntukan berjumlah RM250,000 daripada pembangunan negeri bagi program Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sungai. Sejumlah RM210,310 atau 84% telah dibelanjakan bagi kerja-kerja di Rumah Pam Sungai Mempelam dan Sungai Terus, Daerah Kota Setar. Butiran kerja terperinci seperti **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3
Kerja-Kerja Bagi Program Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sungai
Di Rumah Pam Sungai Mempelam Dan Sungai Terus Bagi Tahun 2013

| Peruntukan Diterima Tahun 2013 (RM) | Peruntukan Dibelanja | | Jumlah (RM) |
|-------------------------------------|----------------------------|--|-------------|
| | No. Baucar Bayaran/ Tarikh | Butiran Kerja | |
| 250,000 | V0000656/ 8.12.2013 | Kerja bina dan siapkan infrastruktur untuk pencawang atas tiang (PAT) jenis <i>outdoor</i> di Sungai Terus. | 19,950 |
| | V0000703/ 15.12.2013 | Kerja menstabilkan tebing di Sungai Terus, Daerah Kota Setar. | 12,640 |
| | V0000736/ 24.12.2013 | Kerja bina dan siapkan pagar keselamatan di rumah pam di Sungai Mempelam dan Sungai Terus. | 92,120 |
| | V0000746/ 2.01.2014 | Bekal dan pasang 2 set <i>Main Switch board</i> untuk pam elektrik <i>submersible</i> di Sungai Mempelam dan Sungai Terus. | 85,600 |
| 250,000 | Jumlah | | 210,310 |

Sumber: JPS Daerah Kota Setar/Pendang/Yan

- b. Semakan Audit mendapati 1 daripada 4 kerja belum disiapkan pada tarikh perakuan siap kerja dikeluarkan iaitu kerja membekal dan memasang 2 set *main switchboard* untuk pam elektrik *submersible* di rumah pam Sungai Mempelam dan Sungai Terus. Kerja telah ditawarkan secara sebut harga kepada kontraktor berjumlah RM85,600. Laporan siap kerja telah dikeluarkan oleh Penolong Pengarah Mekanikal, Juruteknik J17 dan Tukang K2 R22 (Pembangunan) Bahagian Perkhidmatan Mekanikal Dan Elektrikal Sungai Petani pada 12 Disember 2013 dan bayaran dijelaskan pada 2 Januari 2014.

- c. Lawatan dan pemeriksaan Audit pada 10 Februari 2015 ke Rumah Pam Sungai Mempelam dan Sungai Terus mendapati:
- i. Kerja-kerja pemasangan *main switchboard* untuk Rumah Pam Sungai Mempelam telah disempurnakan. Manakala *main switchboard* di Sungai Terus masih belum dipasang dan disimpan di Rumah Pam Sungai Mempelam seperti **Gambar 1.29**.
 - ii. Kedua-dua rumah pam tidak berfungsi. Didapati 2 sangkar dan 2 pam *submersible* di simpan di Unit Pam Sungai Petani sejak tahun 2012 seperti **Gambar 1.30**.
- d. Mengikut makluman daripada pegawai JPS sehingga tarikh 8 Mac 2015, kedua-dua rumah pam tersebut masih belum berfungsi. Oleh yang demikian, fungsi utama diwujudkan rumah pam untuk mengawal banjir tidak tercapai. **Mengikut maklum balas JPS bertarikh 23 April 2015, tindakan membaiki pam sedang dijalankan.**

Gambar 1.29
Main Switch Board



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Pam Sungai Mempelam,
Alor Setar
Tarikh: 10 Februari 2015

Gambar 1.30
Sangkar dan Submersible Pump
Yang Belum Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Unit Pam, Bahagian Perkhidmatan
Mekanikal & Elektrikal, Sungai Petani
Tarikh: 5 Februari 2015

Pada pendapat Audit, program pemuliharaan sungai adalah memuaskan kerana pemasangan perangkap sampah seperti *log boom* dan *gross pollutant trap* dapat mengurangkan pencemaran sungai. Bagaimanapun kegagalan penyenggaraan dan mengangkat sampah telah mengurangkan prestasi kedua-dua perangkap sampah tersebut. Manakala pembinaan Loji Rawatan Air Pasar Basah tidak memuaskan kerana loji berkenaan tidak dapat merawat jumlah keseluruhan sisa air sehari dan kemudahan loji tidak dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya. Pengawalan banjir juga dilaksanakan melalui kaedah pemeliharaan sungai dengan membina rumah pam. Bagaimanapun, rumah pam di Sungai Mempelam dan Sungai Terus tidak berfungsi sejak tahun 2011 hingga kini menyebabkan fungsi utama rumah pam untuk mengawal banjir tidak tercapai.

1.4.3. Pengawalan Terhadap Rizab Sungai

Mengikut Seksyen 425, Kanun Tanah Negara menetapkan denda sehingga RM10,000 atau penjara sehingga 1 tahun boleh dikenakan sekiranya berlaku pencerobohan rizab sungai. Manakala Seksyen 62, Kanun Tanah Negara dan Garis Panduan Pembangunan Melibatkan Sungai Dan Rizab Sungai menetapkan setiap sungai hendaklah mempunyai kawasan rizab mengikut kelebaran sungai. Merujuk kepada Warta Kerajaan Negeri Kedah bertarikh 1 April 2010, terdapat 61 batang sungai di daerah Kuala Muda. Daripada jumlah ini, sebanyak 35 batang rizab sungai belum diwartakan. Semakan Audit mendapati kawasan rizab sungai di Sungai Gelugor dan Sungai Petani bagi tebing kiri dan kanan ialah masing-masing selebar 2 meter dan 20 meter masih belum diwartakan. Lawatan Audit mendapati ada tanda-tanda pencerobohan rizab sungai iaitu pembinaan kedai makan dan kedai papan seperti di **Gambar 1.31** hingga **Gambar 1.36**. **Mengikut maklum balas JPS pada 23 April 2015, pengawalan terhadap rizab sungai telah dibincangkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah. Kuasa untuk mengambil tindakan terletak kepada Pejabat Tanah. Tindakan pemurnian berkaitan perwartaan rizab sungai tambahan telah dijalankan oleh Pejabat Tanah dan Galian pada Jun 2014. Mengikut maklum balas JPS pada 30 April 2015, sebanyak 654 batang sungai telah diwartakan di bawah subperenggan 13(1)(ii)(a) Kanun Tanah Negara [Act 56 Of 1965] pada 1 April 2010. Proses pewartaan seterusnya sebanyak 130 batang sungai termasuk Sungai Gelugor dan Sungai Petani sedang dalam tindakan penyediaan kertas MMK oleh PTG Kedah. Pencerobohan rizab sungai telah dibangkitkan dalam mesyuarat jawatankuasa daerah Kuala Muda.**

Gambar 1.31
Kedai Makan Di Tepi Sungai Gelugor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Gelugor, Sungai Petani
Tarikh: 8 Februari 2015

Gambar 1.32
Kedai Papan Di Tepi Sungai Gelugor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Gelugor, Sungai Petani
Tarikh: 8 April 2015

Gambar 1.33
Kedai Makan Di Rizab Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Pengkalan, Sungai Petani
Tarikh: 18 Mac 2015

Gambar 1.34
Deretan Kedai Makan Di Rizab Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Pengkalan, Sungai Petani
Tarikh: 18 Mac 2015

Gambar 1.35
Rumah Setinggalan
Di Rizab Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pengkalan Lebai Man, Sungai Petani
Tarikh: 8 April 2015

Gambar 1.36
Rumah Ibadat Dibina
Di Atas Rizab Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pengkalan Lebai Man, Sungai Petani
Tarikh: 8 April 2015

Pada pendapat Audit, pihak JPS perlu meningkatkan pengawalan pencerobohan rizab sungai dengan menyediakan jadual pemantauan secara berkala serta penguatkuasaan secara bersepadu dengan Agensi Kerajaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah, Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Kerja Raya.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan program pemeliharaan dan pemuliharaan sungai, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

1.5.1. Melaksanakan penyenggaraan berkala mengikut jadual yang ditetapkan bagi memastikan perangkap sampah berfungsi dengan berkesan. Kemudahan loji rawatan air perlu dimanfaatkan dengan sepenuhnya bagi mengelak pembaziran.

1.5.2. Menyemak dan mengenal pasti kawasan rizab sungai dengan jelas dan diwartakan bagi menjaga simpanannya serta dan melaporkannya dalam Mesyuarat Tindakan Pejabat Tanah.

1.5.3. Melantik kontraktor bagi kerja penyenggaraan dan memantau kerja-kerja yang dilakukan. Jabatan Pengairan dan Saliran perlu memohon peruntukan yang mencukupi bagi kerja-kerja penyenggaraan.

PEJABAT TANAH KOTA SETAR

PEJABAT DAERAH DAN TANAH LANGKAWI

2. PENGURUSAN PEMBERIMILIKAN TANAH BAGI TUJUAN PEMBANGUNAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 1965) mentakrifkan pemberimilikan tanah sebagai pelupusan tanah Kerajaan Negeri oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk tempoh tidak melebihi 99 tahun atau selamanya. Kuasa untuk melupuskan tanah oleh PBN boleh diwakilkan kepada Pengarah Tanah dan Galian (PTG) atau Pentadbir Tanah. Mengikut Seksyen 43 KTN 1965, permohonan pemberimilikan tanah boleh diterima daripada antaranya perbadanan yang mempunyai kuasa di bawah perlembagaannya untuk memiliki tanah termasuk pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 (agensi swasta) termasuk syarikat berkaitan Kerajaan.

2.1.2. Pemberimilikan tanah Kerajaan kepada pemohon termasuk agensi Kerajaan Negeri dan swasta adalah bertujuan untuk aktiviti pertanian, perumahan dan operasi perindustrian. Pengurusan pemberimilikan tanah adalah berpandukan KTN 1965, Aturan-aturan Tanah Kedah 1966, keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK), Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian, Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Kedah, Pekeliling Pejabat Daerah Dan Tanah Negeri dan Manual Prosedur Kerja. Bagi tempoh 2010 hingga 2014, sebanyak 144 permohonan tanah bagi tujuan pembangunan telah diterima di Pejabat Tanah Kota Setar (PT Kota Setar) dan Pejabat Daerah Dan Tanah Langkawi (PDT Langkawi) dan sebanyak 20 permohonan telah diluluskan. Premium tanah yang berjaya dikutip bagi tempoh tersebut di PT Kota Setar dan PDT Langkawi adalah masing-masing berjumlah RM127.96 juta dan RM66.06 juta seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Kutipan Premium Tanah
Bagi Tempoh Tahun 2010 Hingga 2014

| Pejabat | Tahun | Kutipan Sebenar (RM Juta) |
|---------------------------|-------|---------------------------|
| Tanah Kota Setar | 2010 | 2.03 |
| | 2011 | 3.82 |
| | 2012 | 3.12 |
| | 2013 | 112.12 |
| | 2014 | 6.87 |
| Jumlah | | 127.96 |
| Daerah Dan Tanah Langkawi | 2010 | 1.57 |
| | 2011 | 1.47 |
| | 2012 | 9.36 |
| | 2013 | 12.95 |
| | 2014 | 40.71 |
| Jumlah | | 66.06 |

Sumber: PT Kota Setar dan PDT Langkawi

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pemberimilikan tanah kepada agensi Kerajaan Negeri dan swasta bagi tujuan pembangunan telah diuruskan dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamat ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan terhadap pelaksanaan pengurusan pemberimilikan tanah bagi tujuan pembangunan kepada agensi Kerajaan Negeri dan swasta bagi tahun 2010 hingga 2014 di PT Kota Setar dan PDT Langkawi. Bagi menilai pelaksanaan pemberimilikan tanah, sebanyak 23 fail atau 100% permohonan yang telah selesai pengeluaran Notis Genap Masa Hasil Tanah Dibayar (Borang 5A) dan 52 fail atau 36% permohonan yang masih di dalam tindakan/belum selesai telah dipilih untuk semakan pematuhan dan kecukupan pemprosesan. Bagi mengukur prestasi pembangunan tanah, laporan yang disediakan oleh Unit Teknikal telah dirujuk dan lawatan ke lokasi yang dipilih diadakan bagi menentukan sama ada pembangunan tanah di tapak telah dilaksanakan. Selain itu, temu bual Audit dengan pegawai terlibat di dalam pengurusan pemberimilikan tanah juga diadakan. *Exit conference* bersama kedua-dua Pentadbir Tanah Kota Setar dan Langkawi masing-masing pada 5 Mei 2015 dan 26 April 2015 yang turut dihadiri oleh wakil daripada Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga April 2015 mendapati pengurusan pemberimilikan tanah untuk tujuan pembangunan adalah baik kerana keseluruhan tanah yang diberi milik telah dibangunkan di PT Kota Setar dan 4 daripada 5 (80%) tanah yang diberi milik telah dibangunkan di PDT Langkawi. Bagaimanapun, pelaksanaan pengurusan pemberimilikan secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan disebabkan faktor-faktor berikut:

- Kelewatan memproses permohonan pemberimilikan tanah.
- Bayaran hasil dan premium tanah gagal dijelaskan oleh pemohon.
- Pemantauan dan penguatkuasaan kurang berkesan.

2.4.1. Prestasi Pembangunan Tanah

2.4.1.1. Tanah Kerajaan diberi milik untuk aktiviti pertanian, pembinaan bangunan dan operasi perindustrian perlu dibangunkan supaya Kerajaan Negeri boleh mengutip hasil tanah dan rakyat boleh mendapat faedah daripada aktiviti pembangunan tanah yang dijalankan. Seksyen 115 hingga 117 KTN 1965 telah menetapkan tempoh pembangunan tanah bagi kategori pertanian, bangunan dan perindustrian masing-masing adalah 3 tahun, 2 tahun dan 3 tahun selepas diberi milik. Lawatan Audit ke 10 lokasi di Daerah

Kota Setar mendapati 6 projek telah siap dibangunkan dan 4 projek sedang dalam pelaksanaan. Manakala di daerah Langkawi, satu projek telah siap dibangunkan, 3 projek sedang dalam pelaksanaan dan 1 projek belum dibangunkan. Prestasi pembangunan tanah sehingga bulan April 2015 di PT Kota Setar dan PDT Langkawi adalah seperti di **Jadual 2.2**. Antara tanah yang telah dibangunkan mengikut syarat pembangunan adalah seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**. Manakala **Gambar 2.3** dan **Gambar 2.4** adalah tanah yang masih dalam peringkat pelaksanaan di Daerah Kota Setar dan Langkawi.

Jadual 2.2
Prestasi Pembangunan Tanah Sehingga Bulan April 2015

| Pejabat | Bil. Permohonan Diberi Milik | Status Pembangunan | | |
|---------------------------|------------------------------|--------------------|----------|-------------------|
| | | Siap | Belum | Dalam Pelaksanaan |
| Tanah Kota Setar | 10 | 6 | 0 | 4 |
| Daerah Dan Tanah Langkawi | 5 | 1 | 1 | 3 |
| Jumlah | 15 | 7 | 1 | 7 |

Sumber: PT Kota Setar, PDT Langkawi dan lawatan fizikal

Gambar 2.1
Pembangunan Pasar Awam Siap Di Daerah Kota Setar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Tunku Abdul Halim, Alor Setar
Tarikh: 6 April 2015

Gambar 2.2
Pembangunan Jeti Pelancongan Siap Di Daerah Langkawi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuah, Langkawi
Tarikh: 10 Februari 2015

Gambar 2.3
Pembangunan Pasar Awam Dalam Pelaksanaan Di Daerah Kota Setar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 315, Kuala Kedah, Alor Setar
Tarikh: 6 April 2015

Gambar 2.4
Pembangunan Hotel Dalam Pelaksanaan Di Daerah Langkawi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Beringin, Kuah, Langkawi
Tarikh: 10 Februari 2015

2.4.1.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati satu projek pembinaan rumah mampu milik oleh Bina Darulaman Sdn. Bhd. yang telah dikeluarkan Hak Milik Sementara pada 13 Mei 2013 belum dibangunkan di Daerah Langkawi kerana masih di peringkat perancangan pembinaan. Kedua-dua PT Kota Setar dan PDT Langkawi tidak mempunyai mekanisme yang khusus untuk memastikan semua tanah yang diberi milik dibangunkan selaras dengan tempoh pembangunan yang ditetapkan mengikut Seksyen 115 hingga 117 KTN 1965.

Pada pendapat Audit, prestasi pembangunan tanah oleh agensi Kerajaan Negeri dan swasta adalah baik di PT Kota Setar dan PDT Langkawi kerana 14 daripada 15 atau 93% pembangunan telah dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

2.4.2. Penyelesaian Permohonan Pemberimilikan Tanah

2.4.2.1. Kelewatan Memproses Permohonan Pemberimilikan Tanah

- a. Analisis Audit mendapati bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014, sebanyak 144 permohonan diterima daripada agensi Kerajaan dan swasta bagi tujuan pembangunan masing-masingnya 96 di PT Kota Setar dan 48 di PDT Langkawi. Daripada jumlah ini, 8 permohonan telah diluluskan, 7 permohonan telah ditolak/dibatalkan kerana berlaku pertindihan permohonan dan pembatalan serta 33 permohonan belum selesai di PT Kota Setar. Manakala bagi PDT Langkawi, daripada 96 permohonan yang diterima, 12 permohonan telah diluluskan, 13 permohonan telah ditolak/dibatalkan kerana berlaku pertindihan permohonan dan pembatalan serta 71 permohonan masih belum selesai. Status permohonan pemberimilikan tanah bagi tempoh tersebut adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Status Permohonan Pemberimilikan Tanah Bagi Tempoh Tahun 2010 Hingga 2014

| Status Permohonan | Tahun | | | | | | | | | | Jumlah (Bilangan) | | |
|----------------------|-------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|----------------------|------|-------------|
| | 2010 | | 2011 | | 2012 | | 2013 | | 2014 | | | | |
| | PTKS | PDTL | PTKS | PDTL | PTKS | PDTL | PTKS | PDTL | PTKS | PDTL | PTKS | PDTL | Keseluruhan |
| Diterima | 7 | 8 | 15 | 16 | 3 | 24 | 13 | 26 | 10 | 22 | 48 | 96 | 144 |
| Lulus | 0 | 3 | 7 | 1 | 0 | 4 | 1 | 4 | 0 | 0 | 8 | 12 | 20 |
| Tolak/ Batal | 1 | 2 | 1 | 4 | 1 | 4 | 2 | 3 | 2 | 0 | 7 | 13 | 20 |
| Belum Selesai | 6 | 3 | 7 | 11 | 2 | 16 | 10 | 19 | 8 | 22 | 33 | 71 | 104 |

Sumber: PT Kota Setar dan PDT Langkawi

Nota: PTKS = PT Kota Setar

PDTL = PDT Langkawi

- b. Analisis Audit seterusnya menunjukkan 104 permohonan di PT Kota Setar dan PDT Langkawi masih belum selesai proses pemberimilikan disebabkan 26 kes berada di peringkat proses ulasan Pentadbir Tanah, 71 kes di peringkat tindakan Unit Teknikal dan 7 kes masih di peringkat kertas pertimbangan untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Status permohonan tanah belum selesai adalah seperti di **Jadual 2.4. Berdasarkan maklum balas PDT Langkawi dan exit conference bertarikh 26 April 2015, permohonan belum selesai antaranya disebabkan oleh kelulusan**

dasar projek pembangunan berimpak tinggi dan pembangunan kawasan laut daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) belum diperolehi. Selain itu, sokongan daripada Jabatan Perikanan bagi projek sangkar laut yang dipohon di luar kawasan Zon Industri Akuakultur (ZIA) belum diperolehi. Sebagai langkah awal mengurangkan tunggakan fail, pengurusan PDT Langkawi telah menetapkan setiap Pegawai Petempatan menyiapkan sekurang-kurangnya 10 fail pelupusan setiap bulan.

Jadual 2.4
Status Permohonan Tanah Belum Selesai
Bagi Tempoh Tahun 2010 Hingga 2014

| Peringkat Kelewatan | Pejabat | |
|---------------------------|------------------|---------------------------|
| | Tanah Kota Setar | Daerah Dan Tanah Langkawi |
| Ulasan Pentadbir Tanah | 17 | 9 |
| Tindakan Unit Teknikal | 14 | 57 |
| Kertas Pertimbangan PTG | 1 | 6 |
| Jumlah (Kes) | 32 | 72 |
| Jumlah Besar (Kes) | 104 | |

Sumber: PT Kota Setar dan PDT Langkawi

- c. Mengikut KTN 1965 dan Aturan Tanah Kedah 1966, proses permohonan pelupusan tanah melibatkan beberapa peringkat iaitu pendaftaran permohonan, siasatan dan penyediaan Laporan Tanah, laporan Jabatan Teknikal, keputusan MMK, penyampaian Borang 5A serta pembayaran dan pengeluaran Hak Milik Sementara. Di peringkat PT Kota Setar, penetapan tempoh proses permohonan sehingga pengeluaran Borang 5A adalah selama 504 hari dan Borang 5A perlu dikeluarkan dalam masa 9 hari selepas keputusan MMK diterima yang disampaikan oleh PTG. Manakala PDT Langkawi menyasarkan tempoh penyelesaian permohonan sehingga penyediaan kertas sokongan kepada PTG adalah antara 6 hingga 12 bulan. Semakan dan analisis Audit mendapati:
 - i. Lima daripada 10 permohonan di PT Kota Setar telah diselesaikan dengan pengeluaran Borang 5A dalam tempoh yang ditetapkan manakala bakinya diselesaikan dalam masa sehingga 1,205 hari. Manakala bagi PDT Langkawi, masa yang diambil adalah antara 78 hingga 3,188 hari seperti di **Jadual 2.5**. **Berdasarkan maklum balas PT Kota Setar bertarikh 5 Mei 2015, kelewatan terbahagi kepada 2 peringkat iaitu di dalam dan luar kawalan pentadbiran. Sebagai langkah penambahbaikan, norma kerja bagi proses pemberimilikan yang berada di dalam kawalan iaitu pendaftaran, siasatan, penyediaan laporan tanah, pengeluaran Hak Milik Sementara dan permintaan ukur akan dikaji semula. Manakala maklum balas PDT Langkawi dan exit conference bertarikh 26 April 2015, pemprosesan permohonan mengambil masa melebihi 2 tahun terutamanya bagi projek tebus guna laut dan kes melibatkan rayuan semula oleh pemohon yang tidak bersetuju dengan syarat kelulusan.**

Jadual 2.5
Tempoh Masa Memproses Permohonan Sehingga Pengeluaran Borang 5A

| Pejabat | Tempoh Masa Memproses Permohonan (Hari) | | | | Jumlah Kes |
|---------------------------|---|-------------|---------------|----------|------------|
| | < 500 | 501 – 1,000 | 1,001 – 1,500 | >1,500 | |
| Tanah Kota Setar | 5 | 2 | 3 | 0 | 10 |
| Daerah Dan Tanah Langkawi | 6 | 1 | 2 | 1 | 10 |
| Jumlah | 11 | 3 | 5 | 1 | 20 |

Sumber: PT Kota Setar dan PDT Langkawi

- ii. Seksyen 81(2) KTN 1965 pula menetapkan Pentadbir Tanah hendaklah secepat mungkin mencadangkan sejumlah wang untuk dibayar oleh pemohon melalui pengeluaran Borang 5A selepas kelulusan MMK diterima. PT Kota Setar telah lewat mengeluarkan Borang 5A antara 4 hingga 128 hari. Manakala PDT Langkawi tidak menetapkan tempoh masa pengeluaran Borang 5A selepas kelulusan MMK diterima dan mengambil masa antara 20 hingga 197 hari untuk pengeluaran Borang 5A seperti di **Jadual 2.6**. Kelewatan ini akan menyebabkan proses seterusnya iaitu pengeluaran hak milik dan pembangunan projek lewat dilaksanakan. **Berdasarkan maklum balas PT Kota Setar bertarikh 5 Mei 2015, kelewatan pengeluaran Borang 5A antaranya disebabkan tindakan yang perlu dilaksanakan berdasarkan keputusan MMK.**

Jadual 2.6
Tempoh Pengeluaran Borang 5A

| Pejabat | Tempoh Masa Pengeluaran Borang 5A (Hari) | | | | Jumlah Kes |
|---------------------------|--|----------|-----------|----------|------------|
| | < 50 | 51 - 100 | 101 - 150 | > 151 | |
| Tanah Kota Setar | 6 | 2 | 2 | 0 | 10 |
| Daerah Dan Tanah Langkawi | 3 | 4 | 1 | 1 | 9 |
| Jumlah | 9 | 6 | 3 | 1 | 19 |

Sumber: PT Kota Setar dan PDT Langkawi

- d. Seksyen 80(3) KTN 1965 menetapkan setelah diluluskan pemberimilikan tanah oleh PBN dan pembayaran selesai dibuat, Pendaftar akan menyedia, mendaftar dan mengeluarkan dokumen Hak Milik Sementara. Pendaftaran hak milik merupakan proses terakhir pemberimilikan tanah dan menjadi dokumen bukti pemilikan tanah. Semakan Audit mendapati kesemua pemohon di PT Kota Setar dan PDT Langkawi telah mendapat Hak Milik Sementara setelah bayaran Borang 5A dijelaskan. Bagaimanapun, tempoh masa yang diambil bagi mendaftar Hak Milik Sementara selepas bayaran Borang 5A adalah sehingga 232 hari seperti di **Jadual 2.7**. Kelewatan ini disebabkan kelemahan di peringkat pendaftaran hak milik dan ukur tanah lewat dibuat. **Berdasarkan maklum balas PT Kota Setar bertarikh 5 Mei 2015 dan PDT Langkawi pada 26 April 2015, kebanyakan Hak Milik Sementara tersebut merupakan Hak Milik Pendaftar yang dikeluarkan oleh Pendaftar Hak Milik di PTG serta berada di luar bidang kuasa dan kawalan Pejabat Tanah.**

Jadual 2.7
Tempoh Pendaftaran Hak Milik Sementara

| Pejabat | Tempoh Masa Pendaftaran Hak Milik Sementara (Hari) | | | | Jumlah Kes |
|---------------------------|--|----------|-----------|----------|------------|
| | 0 - 50 | 51 - 100 | 101 - 150 | > 151 | |
| Tanah Kota Setar | 2 | 4 | 2 | 1 | 9 |
| Daerah Dan Tanah Langkawi | 4 | 1 | 0 | 1 | 6 |
| Jumlah | 6 | 5 | 2 | 2 | 15 |

Sumber: PT Kota Setar dan PDT Langkawi

2.4.3. Kutipan Hasil Tanah

2.4.3.1. Bayaran Hasil Dan Premium Tanah Gagal Dijelaskan Oleh Pemohon

- a. Mengikut Seksyen 10 Aturan Tanah Kedah 1966, bayaran hasil tanah hendaklah dijelaskan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh Borang 5A dikeluarkan. Kesemua Borang 5A yang dikeluarkan oleh PT Kota Setar telah dijelaskan oleh pemohon manakala 4 pemohon di PDT Langkawi telah gagal menjelaskan bayaran hasil dan premium tanah berjumlah RM69.26 juta seperti di **Jadual 2.8** kerana pemohon masih menunggu keputusan sama ada rayuan pengurangan premium diluluskan dan syarat asal MMK dikaji semula.

Jadual 2.8
Pemohon Yang Gagal Menjelaskan Hasil Dan Premium Tanah Di PDT Langkawi

| Bil. | Pemohon | Tujuan Pemberimilikan | Tarikh Borang 5A | Jumlah Hasil Dan Premium (RM Juta) |
|---------------|-----------------------------|-------------------------|------------------|------------------------------------|
| 1. | Perbadanan Menteri Besar | Rekreasi | 01.01.2013 | 0.30 |
| 2. | Litar Seni Sdn. Bhd. | Pembangunan Pelancongan | 31.07.2013 | 43.42 |
| 3. | Langkasuka Marina Sdn. Bhd. | Pelbagai Pembangunan | Tiada Maklumat | 25.00 |
| 4. | Majlis Perbandaran Langkawi | Pelancongan | 24.02.2013 | 0.54 |
| Jumlah | | | | 69.26 |

Sumber: PDT Langkawi

- b. Berdasarkan **Jadual 2.8**, pemohon yang gagal menjelaskan hasil tanah berjumlah RM69.26 juta disebabkan perkara berikut:
 - i. Rayuan pengurangan premium tanah bagi tujuan rekreasi telah dikemukakan kali kedua oleh Perbadanan Menteri Besar pada 10 November 2014. Bagaimanapun sehingga tarikh pengauditan, kelulusan rayuan belum diperolehi menyebabkan pemohon tidak menjelaskan bayaran.
 - ii. Permohonan tanah daripada Litar Seni Sdn. Bhd. telah diluluskan oleh MMK pada 10 Januari 2013. Pemohon masih menunggu keputusan rayuan

pengurangan premium yang dikemukakan pada 10 September 2013 dan sehingga tarikh pengauditan dijalankan, rayuan pemohon telah dikemukakan kepada PTG pada 29 September 2013 dan 28 Januari 2015.

- iii. Langkasuka Marina Development Sdn. Bhd. telah diberi kelulusan pengurangan premium daripada RM42 juta kepada RM25 juta pada 10 Januari 2013 dengan syarat perlu dijelaskan secara berperingkat sebelum atau pada 30 November 2013. Sehingga tarikh pengauditan dijalankan, hanya sejumlah RM2 juta dijelaskan dan tiada pembangunan dijalankan.
 - iv. Berdasarkan surat daripada Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian bertarikh 3 Julai 2013, rayuan pengurangan premium berjumlah RM0.54 juta oleh Majlis Perbandaran Langkawi tidak dapat dipertimbangkan kerana kadar premium tanah kerajaan yang dipohon oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri bagi tujuan projek perniagaan adalah mengikut kadar biasa dan tidak akan diberi pengurangan selaras dengan keputusan Kertas MMK bertarikh 30 Ogos 2000.
- c. Mengikut Seksyen 81 dan 82 KTN 1965, bayaran hasil dan premium tanah seperti dinyatakan dalam Borang 5A hendaklah dijelaskan dalam tempoh 90 hari atau tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Sekiranya bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, permohonan akan luput dan disifatkan sebagai ditarik balik. Semakan Audit mendapati 10 daripada 17 pemohon di PT Kota Setar dan PDT Langkawi telah menjelaskan bayaran Borang 5A di dalam tempoh ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat kelewatan bayaran dijelaskan selepas tempoh 90 hari iaitu masing-masing 4 dan 3 kes di PT Kota Setar dan PDT Langkawi. Kelewatan sehingga 183 hari berlaku disebabkan pemohon membuat bayaran secara berperingkat dan mengemukakan rayuan pengurangan premium seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9
Tempoh Bayaran Hasil Dan Premium Tanah Dijelaskan

| Pejabat | Tempoh Bayaran Hasil Dan Premium Tanah Dijelaskan (Hari) | | | | |
|---------------------------|--|-----------|----------|----------|----------|
| | Dalam Tempoh (< 90) | Kelewatan | | | |
| | | 1-50 | 51-100 | 101-150 | > 151 |
| Tanah Kota Setar | 6 | 4 | 0 | 0 | 0 |
| Daerah Dan Tanah Langkawi | 4 | 1 | 0 | 1 | 1 |
| Jumlah | 10 | 5 | 0 | 1 | 1 |

Sumber: PT Kota Setar dan PDT Langkawi

- d. **Berdasarkan maklum balas PT Kota Setar bertarikh 5 Mei 2015, kelewatan pembayaran Borang 5A disebabkan oleh rayuan pengurangan premium yang dibuat oleh pemohon. PT Kota Setar juga akan mengkaji semula tindakan yang**

boleh diambil untuk mengingatkan pemohon menjelaskan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala maklum balas PDT Langkawi bertarikh 26 April 2015, antara tindakan yang diambil kepada pemohon yang gagal menjelaskan bayaran Borang 5A adalah dengan mengadakan perbincangan berhubung jadual bayaran secara ansuran atau menghantar surat peringatan kegagalan bayaran.

Pada pendapat Audit, Pentadbir Tanah boleh mengemukakan cadangan menghadkan tempoh lanjutan masa pembayaran Borang 5A kepada Pihak Berkuasa Negeri serta mengenakan denda kepada pemohon yang gagal menjelaskan bayaran di dalam tempoh masa yang dibenarkan.

2.4.4. Pemantauan dan Penguatkuasaan Kurang Berkesan

Pemantauan yang berterusan terhadap proses pemberimilikan adalah bagi memastikan ianya dijalankan secara cekap dan teratur. Mekanisme pemantauan yang dijalankan boleh berbentuk mesyuarat, penguatkuasaan dan tindakan siasatan terhadap aduan yang dijalankan. Hasil semakan Audit dan temu bual dengan pegawai terlibat mendapati :

2.4.4.1. Mesyuarat Pelupusan Tanah Daerah yang membincangkan permohonan tanah kerajaan bagi tujuan pemberimilikan, komen yang diterima daripada Jabatan Teknikal dan perkara-perkara berbangkit telah diadakan di PDT Langkawi bermula pada tahun 2014 dengan kekerapan 4 kali setahun. Ahli mesyuarat adalah terdiri daripada Pegawai Daerah, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan), Penolong Pegawai Tanah, Ketua Unit Teknikal dan Pelupusan, pegawai Unit Teknikal serta pegawai Jabatan Teknikal berkaitan.

2.4.4.2. Pemantauan yang dilakukan oleh PT Kota Setar dan PDT Langkawi adalah berdasarkan aduan yang diterima dari pelanggan. Bagi tahun 2010 hingga 2014, sebanyak 18 aduan diterima telah difailkan dan diambil tindakan siasatan segera hingga 232 hari. Pihak Audit berpendapat PT Kota Setar dan PDT Langkawi hendaklah mewujudkan Daftar Aduan bagi memudahkan pemantauan terhadap aduan yang dilaporkan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan pengurusan pemberimilikan tanah adalah kurang memuaskan. PT Kota Setar dan PDT Langkawi hendaklah mengkaji semula dan menetapkan tempoh masa bagi pemprosesan permohonan pemberimilikan tanah. Selain itu, Pentadbir Tanah perlu memastikan permohonan diselesaikan mengikut ketetapan masa serta meningkatkan tahap pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan tanah beri milik dibangunkan mengikut kelulusan yang diberi.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki perkara-perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini dan memastikan pengurusan pemberimilikan tanah bertambah cekap dan berkesan, adalah disyorkan PT Kota Setar dan PDT mengambil tindakan berikut:

2.5.1. Menetapkan tempoh masa yang bersesuaian bagi pemprosesan permohonan pemberimilikan sebagai panduan kepada pegawai menjalankan tugas.

2.5.2. Meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan tanah yang diberi milik dibangunkan selaras dengan syarat-syarat pembangunan dan kelulusan ditetapkan supaya pembangunan yang dijanjikan dapat dinikmati oleh rakyat.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

28 April 2015